

KPKT membazir bina kawasan khas merokok

10 January 2020



Presiden Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia, Datuk Dr Zainal Ariffin Omar (tengah) bersama badan bukan kerajaan (NGO) bergambar sambil memegang poster bantahan pada sidang media untuk menyatakan bantahan rasmi kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkaitan kawasan larangan merokok di tempat awam di Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur. foto SYAFIQ AMBAK, 10 JANUARI 2020

KUALA LUMPUR – Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia dan 56 NGO hari ini menggesa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menarik balik keputusan untuk membina kawasan khas merokok di tempat awam.

Membantah perkara itu, jelas presiden persatuan itu, Datuk Dr Zainal Ariffin Omar, ia seolah-olah memberi mesej negatif kepada masyarakat seolah-olah kerajaan menggalakkan amalan merokok.

Tidak berniat untuk memusuhi golongan perokok, namun ujar beliau, perkara itu bertentangan dengan usaha Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sendiri yang tidak mahu merokok menjadi amalan.

“Kerajaan hendaklah melihat daripada segi dasar kesihatan awam berkaitan merokok. Apa-apa yang dilihat menggalak merokok itu mungkin tidak sesuai.